



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/08/74 (HQ)

TNB BAIKI RUMAH MILIK LIM YEW CHOONG BAWAH PROJEK MESRA RAKYAT

Kehidupan Encik Lim Yew Choong, 43 tahun, kini lebih selesa, setelah Tenaga Nasional Berhad (TNB) membaik pulih kediamannya di Kampung Baru Air Kuning, Gemencheh, Negeri Sembilan menerusi Projek Mesra Rakyat Peringkat Negeri (Negeri Sembilan) 2016.

Melalui Projek Mesra Rakyat TNB, rumahnya yang usang kini telah dibaik pulih berdinding rumah yang baru, membaiki siling rumah, membina tandas dan dapur yang baru. Di samping itu, turut dilaksanakan ialah kerja-kerja mengecat semula dinding luar dan dalam rumah.

Rumah Encik Lim Yew Chong yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh YB.Tuan Mohd Isam bin Haji Mohd Isa, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Gemencheh.

Pengurus Besar Negeri (Negeri Sembilan), Ir. Ahmad Fuad Kasim dalam ucapannya berkata Projek Mesra Rakyat adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon India dan Cina terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, Peringkat Negeri Sembilan telah diperuntukkan dua (2) buah rumah untuk dibaik pulih. Setakat ini dua (2) orang penerima yang layak telah dikenal pasti iaitu masing-masing satu (1) di Kampung Ladang Segenting, Port Dickson dan Encik Lim Yew Chong di Kampung Air Kuning Baru, Gemencheh, Negeri Sembilan.

Dikeluarkan di Gemencheh, Negeri Sembilan pada 4 Ogos 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Amiza Mohd Aris di talian 019-2136320
media@tnb.com.my*